

Tajuk Tawaran:  
**PERKHIDMATAN MESIN LAYAN SENDIRI (*VENDING MACHINES*),  
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM  
[BAGI TEMPOH 3 TAHUN]**

Bilangan Tawaran:  
**UBD/Es/004/2022 – [T]**

---

<b>Lokasi</b>	: Di Dalam kawasan-kawasan Kampus, Universiti Brunei Darussalam (akan dimaklumkan kemudian tempat-tempatnya).
<b>Jumlah Unit yang Ditawarkan</b>	: Sepuluh (10) Unit Mesin Layan Sendiri ( <i>Vending Machines</i> )
<b>Bidang Perniagaan</b>	: Perkhidmatan Mesin Layan Sendiri ( <i>Vending Machines</i> ) bagi pelbagai jenis minuman atau makanan yang bersesuaian
<b>Kadar Bayaran Sewa Bulanan</b>	: Kadar bayaran sewa adalah termasuk pembayaran bagi api letrik dan dan tapak bagi setiap mesin.
<b>Tempoh Penyewaan</b>	: Tiga (3) Tahun
<b>Dokumen Tawaran</b>	: Boleh diperolehi daripada Pejabat Bendahari, Tingkat Bawah, Bangunan Pentadbiran, Universiti Brunei Darussalam
<b>Tarikh Tutup Tawaran</b>	: 09 Ogos 2022 (Selasa)
<b>Yuran Dokumen</b>	: B\$ 15.00 (Lima Belas Ringgit) dan tidak akan dikembalikan kepada penawar.
<b>Tempat /Waktu Pembayaran</b>	: Pembayaran hendaklah dibuat semasa mengambil borang Tawaran di Pejabat Bendahari, Universiti Brunei Darussalam pada waktu pejabat ataupun dibuat secara atas talian.

**Syarat-Syarat Tawaran:**

1. Pemohon-pemohon atau Pengusaha-Pengusaha hendaklah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap.
2. Yuran dokumen yang dikenakan adalah sebanyak **\$15.00** dan tidak akan dikembalikan kepada pemohon-pemohon.
3. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis **TAJUK** atau **BILANGAN TAWARAN** sepertimana yang diiklankan serta **TARIKH TUTUP TAWARAN** itu, tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan kepada:

**PENGERUSI  
JAWATANKUASA TAWARAN TABUNG  
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM  
JALAN TUNGKU LINK BE1410  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

4. Pengusaha-pengusaha yang menghantar tawaran adalah dikehendaki menghantar dokumen tawaran dalam dua (2) salinan berserta dengan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan, Sijil Halal yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei dan juga senarai jenis-jenis minuman dan makanan berserta dengan harganya sekali.
5. Minuman-minuman dan makanan-makanan yang dibenarkan untuk dijual adalah yang bersesuaian, berkualiti, sihat, tidak mansuh dan mestilah halal mengikut hukum syarak.
6. Kebolehan atau pengalaman dalam perkhidmatan mesin layan sendiri/ vending machines (jika ada), hendaklah disertakan.
7. Tawaran adalah untuk tempoh tiga (3) tahun dari tarikh perjanjian ditandatangani.
8. Pengusaha perlu menyediakan segala alat perkakas, peralatan dan meter kaunter bagi perkhidmatan mesin layan sendiri (vending machines) yang ditetapkan.
9. Pengusaha yang berjaya adalah dikehendaki untuk membayar dua (2) bulan sewa sebagai wang taruhan (security deposit) sebelum menandatangani kontrak perjanjian dan memulakan operasi perniagaan. Pengusaha yang gagal memulakan operasi perniagaan pada tarikh yang dipersetujui oleh pihak UBD dan pengusaha sendiri akan dikenakan penalti mengikut kadar pro-rata bagi hari-hari yang terganjak daripada tarikh mula operasi perniagaan itu.

Perkiraan kadar penalti secara pro-rata adalah seperti berikut:-

$$= \text{kadar sewa sebulan} \times \frac{\text{jumlah hari-hari tertanggung}}{\text{jumlah hari}}$$

10. Universiti Brunei Darussalam (atau Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam) tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran.

**PERATURAN-PERATURAN BAGI TAWARAN PERKHIDMATAN MESIN LAYAN**  
**SENDIRI**  
**(vending machines),**  
**UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM**  
**[BAGI TEMPOH 3 TAHUN]**

**(A) PENGENALAN**

1. Tujuan:
  - a) Bagi menyediakan perkhidmatan 'Vending Machine' yang menawarkan pelbagai jenis minuman atau makanan yang bersesuaian;
  - b) Bagi memudahkan kawalan kualiti (*Quality Control*) dari segi hidangan, kebersihan dan perkhidmatan;
  - c) Bagi memberikan peluang perniagaan terutama kepada peniaga-peniaga kecil dan sederhana (*SME*);
2. Tawaran adalah dibukakan bagi:
  - a) Perkhidmatan Mesin Layan Sendiri atau *Vending Machine*.

**(B) TEMPOH PERKHIDMATAN**

1. Tempoh perkhidmatan ialah Tiga (3) tahun.
2. Jika sekiranya atas sebab-sebab tertentu pihak pengusaha tidak berkesanggupan untuk meneruskan tempoh tersebut di atas maka pihak pengusaha hendaklah memberi notis 3 bulan.
3. Pihak Universiti berhak menamatkan perkhidmatan sesebuah unit yang didapati perkhidmatannya kurang memuaskan setelah diberi teguran dan amaran.

**(C) KADAR BAYARAN SEWA**

1. Bayaran sewa bulanan adalah termasuk pembayaran bagi api elektrik dan air.
2. Pengusaha yang berjaya dikehendaki untuk melaksanakan bayaran sewa dua bulan sebagai wang taruhan (*Security Deposit*) dan bayaran sewa satu bulan untuk memulakan perkhidmatan setelah selesai menandatangani kontrak.
3. Pengusaha-pengusaha yang gagal membayar sewa untuk tiga (3) bulan berturut-turut setelah diberikan amaran akan ditamatkan perkhidmatannya dengan segera. Pengusaha perlu menyelesaikan bayaran-bayaran yang masih tertunggak kepada pihak UBD.

**(D) PENGUSAHA DAN KAKITANGAN**

1. Pengusaha hendaklah terdiri dari Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Penduduk Tetap.
2. Pengusaha hendaklah memastikan kakitangannya adalah dilindungi oleh pampasan insuran mengikut Akta Buruh dan Imigresen.
3. Pengusaha mestilah mempunyai lesen rampaian yang sah bagi tujuan perkhidmatan *vending machine* serta Sijil Halal yang dikeluarkan oleh Majlis Ugama Islam Brunei dan hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat dalam kawasan perniagaan.
4. Pengusaha mestilah mempunyai kakitangan/pekerja yang mencukupi.
5. Dalam sejarah perkhidmatan, kontrak Syarikat atau Pengusaha tidak pernah dibatalkan (*terminated*) oleh pihak Kerajaan.

6. Pengusaha adalah bertanggungjawab bagi menjaga kebersihan tempat dan membersihkan peralatan yang akan digunakan oleh pelanggan.

#### **(E) TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA**

1. Pengusaha hanya dibolehkan berniaga di tempat berniaga yang dibenarkan sahaja.
2. Tempat berniaga dan persekitarannya hendaklah dijaga dengan baik, kemas, teratur dan sentiasa dalam keadaan bersih.
3. Barang-barang yang dijual hendaklah dipastikan berkeadaan segar, baik dan bersih.
4. Pengusaha bertanggungjawab terhadap penyediaan papan tanda perniagaan termasuk harganya sekali.
5. Pengusaha tidak dibenarkan untuk membuat sebarang perubahan terhadap infrastruktur atau tapak perusahaan tanpa memperolehi sebarang kebenaran dari pihak Universiti secara bertulis terlebih dahulu.
6. Dalam menentukan harga minuman dan makanan, pengusaha hendaklah mengambilkira bahawa kebanyakan pelanggan-pelanggan adalah terdiri daripada kalangan pelajar.
7. Pengusaha bertanggungjawab bagi menyediakan peralatan mesin-mesin layan sendiri dan lain-lain keperluan yang bersesuaian.
8. Pengusaha juga bertanggungjawab di atas kerosakan dan kehilangan yang berlaku ke atas perkakas dan kemudahan di kawasan yang telah disediakan.

#### **(F) TANGGUNGJAWAB UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM (UBD)**

1. UBD akan menyediakan kawasan untuk mesin-mesin layan sendiri (vending machines) dan ruang terbuka di kawasan tersebut adalah ruang awam.

#### **PERINGATAN**

1. Harga sewa yang dimasukkan dalam borang tawaran hendaklah kos keseluruhan bagi pengendalian kawasan perkhidmatan *Vending Machine* termasuk pembayaran bagi api elektrik, di Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, Gadong BE 1410, Negara Brunei Darussalam.
2. Tiap-tiap satu harga barang-barang yang dimasukkan dalam borang tawaran hendaklah juga termasuk harga C.I.F dan cukai kastam (custom duty).
3. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan [**Bab 16 dan Bab 17**] dan Sijil Halal mestilah disertakan bersama.
4. Pengusaha hendaklah menyatakan tempoh sah laku tawaran, tempoh pembekalan, tempoh warranti dan lain-lain borang yang perlu diisikan seperti borang yang dilampirkan bersama tawaran berkenaan. Kegagalan pihak syarikat dalam menyatakan butiran dalam mengikuti sebarang tawaran berkenaan akan dikira ditolak (*Disqualified*).
5. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang, jika tidak, permohonan tawaran ini tidak akan diterima dalam senarai tawaran.
6. Sila alamatkan kepada:

**PENGERUSI  
JAWATANKUASA TAWARAN TABUNG  
UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM  
JALAN TUNGKU LINK BE1410  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**